

# E-BULETIN PROGRAM RAKAN ALAM SEKITAR PERINGKAT NEGERI JOHOR

Edisi Ogos 2009



Jabatan Alam Sekitar  
Negeri Johor

Bil 1 / 2009

## PROGRAM RAKAN ALAM SEKITAR

**Program Rakan Alam Sekitar** merupakan satu program yang direkabentuk supaya mempunyai unsur-unsur pementauan, pelaksanaan dan maklumbalas keberkesanan aktiviti dan yang paling penting penglibatan secara *hands-on* atau fizikal oleh anggota masyarakat untuk membantu agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam membanteras kegiatan-kegiatan yang merosakkan atau mencemarkan alam sekitar. Bagi memantapkan lagi Program Rakan Alam Sekitar ianya akan dijalankan di setiap kawasan Parlimen.

Program Rakan Alam Sekitar ini merupakan pendekatan bijak di dalam

mencegah aktiviti yang boleh merosakkan alam sekitar di mana komuniti menjadi 'mata' dan 'telinga' kepada agensi berkaitan dengan menyalurkan maklumat mengenai pencemaran atau kerosakan alam sekitar.

Program-program kesedaran alam sekitar yang dijalankan di bawah Program Rakan Alam Sekitar ini melibatkan komuniti setempat sebagai penggerak utama dan perlulah bersifat berterusan untuk mendatangkan kesan yang positif bagi jangka panjang.

Tema Program Rakan Alam Sekitar adalah "**Planet ini memerlukan ANDA, Bersatu menangani Perubahan Iklim**" ataupun "**Your planet needs YOU!**



**Unite to combat climate change".**

Pelbagai aktiviti di bawah Program Rakan Alam Sekitar telah diatur di seluruh negeri johor dan orang ramai adalah dijemput menyertainya sebagai tanda keperihatinan kita terhadap alam sekitar.

"Pemuliharaan Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama"

## AHLI PARLIMEN TURUN PADANG MENJAYAKAN PROGRAM RAKAN ALAM SEKITAR

Konsep 1 Malaysia cetusan Y.A.B. Perdana Menteri yang menekankan "Rakyat Didahulukan, Prestasi Duitamakan" telah melahirkan satu fenomena positif dimana kini ramai pemimpin turun padang untuk bersama

-sama melihat dan terlibat dengan aktiviti kemasyarakatan.

Melalui Program Rakan Alam Sekitar, pemimpin yang terdiri daripada Y.B. Ahli Parlimen bersama

sama menjayakan aktiviti kesedaran alam sekitar seperti penanaman pokok, gotong-royong, kitar semula *E-waste* dan sebagainya. Ianya merupakan satu petunjuk positif kearah melestarikan alam sekitar.

Tajuk Utama :

**RAS Parlimen Pengerang 2**

**RAS Parlimen Pasir Gudang 3**

### INFO RAS

Pelancaran RAS peringkat kebangsaan telah disempurnakan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim Muar pada 4 Jun 2009

### Komponen RAS

- Aktiviti kesedaran alam sekitar berteraskan komuniti
- Pelaksanaan berterusan/lestari
- Secara *hands-on* atau fizikal
- Memberikan kesan yang positif

# Program Rakan Alam Sekitar Parlimen Pengerang ( P157) Y.B. Dato' Seri Azalina bt Dato' Othman Said

Pengerang merupakan kawasan yang diliputi persisiran pantai yang panjang dan menjadi laluan perkapalan yang aktif.

Sehubungan dengan itu, Parlimen Pengerang mengambil pendekatan aktiviti gotong-royong pembersihan pantai, penanaman pokok bakau sebagai aktiviti utama Program Rakan Alam Sekitar di sana. Ianya telah berjaya dijalankan pada 1 Ogos 2009 yang lepas. Y.B. Dato' Seri Azalina bt Dato' Othman Said telah menyempurnakan

pelancaran program tersebut. Seramai 400 orang yang terdiri daripada komuniti setempat bersama-sama menjayakan program tersebut. Antara aktiviti yang terlibat termasuklah pembersihan pantai seluas 3000 meter persegi, penanaman 600 anak pokok bakau dan ketapang, pameran alam sekitar dan demonstrasi membuat baja kompos. Sebanyak 800 kg sampah telah berjaya dikumpul untuk dilupuskan sepanjang aktiviti tersebut.



Y.B. Dato' Seri Azalina sedang menanam pokok di Dataran Sungai Rengit dalam program RAS Parlimen Pengerang.



## Sorotan Peristiwa



Pantai yang tercemar akibat pendaratan sampah sarap. Antara peserta yang hadir menjayakan program aktiviti gotong-royong pembersihan pantai yang sedang dijalankan.



Taklimat membuat baji kompos yang disampaikan oleh J-Biotech menggunakan teknologi EM.



Keadaan pantai ketika aktiviti pembersihan sedang dijalankan dan keadaan pantai (kiri) setelah dibersihkan.

### Fakta Program RAS Parlimen Pengerang :

- 600 pokok ditanam
- 800 kg sampah dikumpul dan dilupuskan
- 3000 meter persegi kawasan pantai dibersihkan



# Program Rakan Alam Sekitar Parlimen Pasir Gudang ( P159) Y.B. Dato' Seri Mohamed Khalid b Hj Nordin



Antara peserta yang hadir menjayakan program.

Kawasan Pasir Gudang terkenal sebagai kawasan industri yang pesat di negeri Johor. Ianya merupakan kawasan industri yang menjana ekonomi yang terus berkembang.

Bagi penerapan pembangunan fizikan dan alam sekitar secara lestari maka pelbagai aktiviti alam sekitar dijalankan dari semasa ke semasa termasuklah Program Rakan Alam Sekitar yang dilancarkan oleh Y.B. Dato' Seri Mohamed Khalid bin Hj Nordin di Padang Taman Tasek, Bandar Seri

Alam pada 2 Ogos 2009. Program ini menyaksikan aktiviti penanaman pokok, kitar semula *E-waste*, pameran alam sekitar dan diserapkan dengan aktiviti sukan rakyat.

Ianya telah mendapat sambutan hangat dengan penyertaan lebih 600 orang masyarakat yang terdiri daripada komuniti setempat. Program ini juga berjaya mengumpul 1,045 kg *E-waste* yang terdiri daripada televisyen, komputer, radio, mesin basuh terpakai dan sebagainya.

## Sorotan Peristiwa



Pelancaran kitar semula *E-waste* telah disempurnakan oleh Y.B. Mohamed Khalid bin Hj Nordin di Padang Taman Tasek.

Kitar semula *E-waste* merupakan aktiviti alam sekitar yang baik kerana terdapat banyak bahan merbahaya di dalam barangan ini dan sekiranya dibuang sebarangan boleh menjejaskan alam sekitar dan kesihatan kita.



"Aktiviti pemuliharaan alam sekitar ini, perlu disokong bersama-sama kerana ianya adalah tanggungjawab kita semua"



"Bersama mencegah perubahan iklim"





Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor  
Tingkat 1 dan 2,  
Bangunan Hasil, Jalan Padi Emas 1  
Bandar Baru Uda  
**81200 JOHOR BAHRU**

Tel : 07-2356042  
Faks : 07-2356071

Tel Bilik Kawalan : 07-2366528  
JASLINE : 1-800-88-2727

Edisi Ogos 2009

## IKRAR RAKAN ALAM SEKITAR

BAHAWA KAMI

AHLI RAKAN ALAM SEKITAR

MEMBUAT IKRAR DI SINI

AKAN MENJALANKAN

TUGAS-TUGAS SUKARELAWAN INI

DENGAN SEPENUH HATI

KE ARAH INI KAMI AKAN :-

MENJADI MATA DAN TELINGA

KEPADA AGENSI-AGENSI KERAJAAN YANG BERTANGGUNGJAWAB

DALAM MEMBANTERAS KETIATAN-KEGIATAN

YANG MEROSAKKAN ATAU MENCEMARKAN ALAM SEKITAR

KAMI JUGA AKAN MENJADI PENGGERAK UTAMA

KEPADA PROGRAM-PROGRAM SERTA KEMPEN-KEMPEN

KESEDARAN ALAM SEKITAR DI KAWASAN KAMI

UNTUK MEMBERIKAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

KEPADA SEMUA LAPISAN MASYARAKAT

UNTUK BERTINDAK DAN MENGAMBIL BAHAGIAN

MENJAGA ALAM SEKITAR

YANG KITA KONGSI BERSAMA INI

SEMOGA TUHAN MEMBERKATI USAHA INI

## LAPOR SEGERA

Sebagai Ahli Rakan Alam Sekitar sila laporkan ke Agensi Kerajaan berkaitan sekiranya terdapat kejadian seperti berikut :

- i. Pelepasan air buangan dari kilang;
- ii. Pelepasan asap hitam yang berlebihan dari kilang;
- iii. Pelepasan gas (berwarna, berbau, memedihkan mata dan sebagainya);
- iv. Bunyi bising berlebihan;
- v. Pencemaran dari projek pembangunan;
- vi. Pencemaran dari pelupusan buangan terjadual;

- vii. Pelupusan bahan buangan toksik secara haram;
- viii. Mana-mana isu alam sekitar yang lain.

Bersama kita menjalankan tanggungjawab menjaga dan memulihara alam sekitar kita.



©Copyright BPM2009@NRE

**“ Planet ini memerlukan ANDA!  
Bersatu Menangani Perubahan Iklim”**